



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF  
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Skills Development Fund Corporation  
Kementerian Sumber Manusia  
Ministry of Human Resources  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my  
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 48 )  
Tarikh : 22 hb. Januari, 2025

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH DANA  
SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI BAGI TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa, di bawah kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan akan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (*high-growth high value* [HGHV]) meliputi lima bidang iaitu industri berasaskan peralihan tenaga; industri berasaskan teknologi dan digital; industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi; perindustrian dan asas tani; dan industri nadir bumi.
- Kejayaan perancangan dan dasar komprehensif Kerajaan dalam memacu ekonomi memerlukan dokongan modal insan berkemahiran yang mencukupi secara berterusan. Kerajaan memberi tumpuan terhadap TVET kerana ia berpotensi besar dan menjadi pemacu perubahan dalam aspek pembangunan bakat ini. Sehubungan itu, sejumlah peruntukan besar telah diperuntukkan bagi memastikan program TVET ini berupaya menyediakan latihan yang intensif dan praktikal kepada generasi muda negara
- Justeru itu, dalam ucapan perasmian Hari TVET Negara 2024 pada 8 Jun 2024, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembiayaan tambahan yang akan disalurkan menerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi membiayai tujuh (7) bidang keutamaan. Bidang-bidang keutamaan adalah merangkumi bidang **Kenderaan Elektrik; Keselamatan Siber; Kecerdasan Buatan (AI); Bahan Termaju; Teknologi Elektronik; Mekanisasi Ladang; dan Automasi Pertanian dan Penternakan.**
- Tambahan daripada itu, YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika membentangkan ucapan belanjawan MADANI Ketiga tahun 2025; Mubugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat pada 18 Oktober 2024 turut menyatakan bahawa PTPK menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat kepada lebih 20,000 pelatih termasuk RM100 juta khusus untuk **bidang keutamaan dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 atau New Industrial Master Plan (NIMP)** seperti MRO (penyelenggaraan, pembaikan dan pengubahsuaian),EV (kenderaan elektrik), aeroangkasa dan AI (kecerdasan buatan).

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH DANA SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI BAGI TAHUN 2025**

---

6. Sehubungan itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) ingin mempelawa kepada Penyedia Latihan Awam (PLA) dan Penyedia Latihan Swasta (PLS) yang berdaftar dengan PTPK untuk mengemukakan kertas cadangan permohonan bagi menjalankan program latihan kemahiran di bawah Skim PERKASA TVET MADANI ini.

7. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan, konsep pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI adalah seperti berikut:

- (i) Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI adalah pembiayaan berbentuk hibrid (80% geran & 20% pinjaman);
- (ii) akan diadaptasikan kepada para penerima manfaat yang terdiri daripada graduan TVET lulusan Sijil hingga Ijazah Sarjana Muda, pelajar TVET sedia ada dan mana-mana individu yang relevan untuk menyertai program ini.
- (iii) menggunakan kaedah *Place and Train* di mana pelatih hendaklah ditempatkan dalam pekerjaan sebelum latihan dijalankan;
- (iv) program latihan kemahiran jangka pendek selama 7 hari dan maksimum selama 6 bulan sama ada persijilan penuh, modular, *customized* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan/industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM);
- (v) program latihan yang dibiayai di bawah tujuh (7) bidang keutamaan atau 21 sektor di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) seperti di **Lampiran 1**.
- (vi) program latihan kemahiran yang dijalankan hendaklah memberi impak segera kepada penempatan pekerjaan.
- (vii) Agensi penyelaras akan membantu mengenalpasti dan membuat penilaian awal bagi program latihan yang dicadangkan oleh PL beserta senarai industri/majikan yang disenaraikan untuk dikemukakan kepada PTPK bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI. Agensi penyelaras mengikut bidang keutamaan adalah seperti berikut:
  - a. Kenderaan Elektrik - Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii);
  - b. Keselamatan Siber – Agensi Keselamatan Siber Negara (NASCA);
  - c. Kecerdasan Buatan (AI) - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);
  - d. Bahan Taraji – Collaborative Research in Engineering Science & Technology (CREST);

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH DANA SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI BAGI TAHUN 2025**

---

- e. Teknologi Elektronik - Collaborative Research in Engineering Science & Technology (CREST);
  - f. Mekanisasi Ladang – Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Kementerian Perladangan dan Komoditi; dan
  - g. Automasi Pertanian dan Penternakan – Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- (viii) pelaksanaan program PKM secara berpakej dengan program nilai tambah (*added value programme*) amat digalakkan;
- (ix) bagi program-program yang bukan PKM, penyedia latihan (PL) perlu membuat pemetaan silibus program terlebih dahulu dengan pihak JPK untuk membolehkan program tersebut dibiayai oleh PTPK;
- (x) elemen pembiayaan meliputi pembiayaan yuran latihan, dan Kos Sara Hidup (KSH) pelatih, dan bayaran Takaful;
- (xi) Kadar pembiayaan setiap program latihan adalah mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.
8. Penilaian hasil dan impak program merupakan satu komponen utama dalam pengurusan pembangunan Kerajaan untuk mengukur samada program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya. Oleh hal yang demikian, PTPK telah menetapkan penempatan pekerjaan sebagai asas utama dalam membuat penilaian bagi program yang dicadangkan iaitu seperti berikut:
- (i) Penempatan Pekerjaan / Pengekalan Pekerjaan; atau
  - (ii) Peningkatan Kerjaya / Kenaikan Pangkat; atau
  - (iii) Peningkatan Pendapatan.
9. Perbadanan ini berpandangan bahawa tempoh masa yang berpatutan wajar diberikan supaya semua penyedia latihan mempunyai masa yang cukup untuk merangka program yang bersesuaian melibatkan keperluan industri. Bagi tujuan tersebut, PTPK telah menetapkan pelawaan tawaran ini dibuka sehingga tarikh akhir pada **7hb. Februari, 2025 (Jumaat)**.
10. Sukacita diingatkan bahawa setiap permohonan yang ingin mendapatkan pembiayaan menerusi Skim PERKASATVET MADANI ini hendaklah mengemukakan permohonan melalui pautan <https://tinyurl.com/perkasatvetmadani> dan **perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti yang terdapat dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan secara salinan *hardcopy* kepada PTPK sebelum tarikh**

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH DANA SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI BAGI TAHUN 2025**

---

**tutup permohonan.** Bersama-sama ini disertakan dokumen untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk membuat permohonan iaitu :

- (i) **Lampiran 1** : Senarai Bidang Keutamaan dan Sektor di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP);
- (ii) **Lampiran 2** – Garis Panduan Pelaksanaan Program Di Bawah Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI ;
- (iii) **Lampiran 3** – Senarai Semak Dokumen Permohonan Di Bawah Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI; dan
- (iv) **Lampiran 4** – Kod QR bagi Permohonan Secara Dalam Talian

11. Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi pegawai saya iaitu **Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi** menerusi talian 013-229 7107 atau melalui e-mel [zamir@ptpk.gov.my](mailto:zamir@ptpk.gov.my) atau **Puan Syaidatul Nuraiza binti Zahari** menerusi talian 03-4051 6401 atau melalui emel [syaidatul@ptpk.gov.my](mailto:syaidatul@ptpk.gov.my). Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'Pekerja Kesuma Bangsa'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

**s.k** : Agensi Penyelaras

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH DANA SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI BAGI TAHUN 2025**

**LAMPIRAN 1**

**Jadual 1 : Senarai Tujuh (7) Bidang Keutamaan dan 21 Sektor Dibawah Pelan Induk Perindustrian Baharu.**

<b>7 Bidang Keutamaan</b>	<b>Sektor di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP)</b>		
Kenderaan Elektrik	Aeroangkasa	Pemprosesan Makanan	Produk berasaskan kelapa sawit
Keselamatan siber	Elektrik & Elektronik	Global Services & Professional Services	Produk Petroleum dan Petrokimia
Kecerdasan buatan	Kimia	Halal	Keretapi
Bahan termaju	Peralatan Perubatan	Pemesinan & Peralatan	Produk berasaskan getah
Teknologi elektronik	Farmaseutikal	Manufacturing – services related	<i>Shipbuilding &amp; Ship repair</i>
Mekanisasi ladang	Digital & ICT	Metal	Textile, apparel & footwear
Automasi pertanian & penternakan	Automotif	Mineral	Wood, paper & furniture

\* Program latihan yang dicadangkan hendaklah dalam bidang dan sektor yang dinyatakan dalam jadual ini.

**LAMPIRAN 4**

**PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PEMBIAYAAN PERKASATVET MADANI, PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2025**

Sila imbas kod QR ini untuk membuat permohonan



**<https://tinyurl.com/perkasatvetmadani>**

**Tarikh tutup permohonan : 7hb Februari, 2025  
(jam 12:00 tengah hari)**

Penghantaran dokumen sokongan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tutup permohonan.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan ini, sila hubungi pegawai berikut :

**Puan Syaidatul Nuraiza Binti Zahari**  
**Penolong Pengurus Kanan**  
**(Cawangan Pendaftaran dan Agihan)**

☎ 03-4051 6401

✉ [syaidatul@ptpk.gov.my](mailto:syaidatul@ptpk.gov.my)

**Puan Siti Hajar Binti Ahmad**  
**Penolong Pegawai Tadbir Kanan**  
**(Cawangan Pendaftaran dan Agihan)**

☎ 03-4051 6402

✉ [sitihajarahmad@ptpk.gov.my](mailto:sitihajarahmad@ptpk.gov.my)